

Kawalan Harga Barang Lindungi Pengguna

Oleh AMIRAH SYAZWANI BADEROL SHAM



MALAYSIA sebagai sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum meraikan beberapa perayaan besar saban tahun. Setiap kali tibanya musim perayaan, isu kawalan harga sering menjadi bualan hangat dan menjadi antara tajuk utama siaran berita baik di media bercetak mahu pun media elektronik.

Harga beberapa barangan terutamanya bahan mentah untuk memasak didapati dijual dengan harga lebih tinggi oleh kebanyakan penjual semasa musim sambutan perayaan tertentu. Atas dasar itulah pihak kerajaan menerusi seliaan Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Kepenggunaan (KPDNHEP) mengenakan kawalan harga bagi sesetengah barangan yang bertujuan untuk menjaga kebajikan pengguna.

Walau bagaimanapun, ada sebilangan dalam kalangan penjual yang dilihat masih

gagal mematuhi skim kawalan barangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan menggunakan kesempatan musim perayaan untuk mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Oleh itu, adakah skim kawalan harga barangan semasa musim perayaan mampu melindungi hak pengguna daripada menjadi mangsa peniaga yang tidak bertanggungjawab yang sewenang-wenangnya mahu mengaut untung yang lebih besar?

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) dilaksanakan oleh kerajaan bermula pada tahun 2000 bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang dahulunya dikenali sebagai Akta Kawalan Harga 1946. Berdasarkan portal KPDNHEP, skim kawalan ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan harga yang ditetapkan adalah berbeza mengikut kawasan dan daerah. Terdapat beberapa jenis barang keperluan yang dikenal pasti sebagai

Foto: malakatribunenews.com

barang harga terkawal pada musim perayaan dengan menetapkan harga maksimum pada peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit bagi tempoh masa tertentu melalui skim ini. SHMMP terpakai pada musim perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Hari Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

Dalam hal ini, tujuan pelaksanaan skim ini adalah untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang mahu mengaut keuntungan secara berlebihan (mencatut); bagi menetapkan harga maksimum atas barang-barang keperluan pada musim perayaan; dan supaya pengguna mudah memperoleh barang-barang keperluan pada musim perayaan pada harga yang ditentukan.

Tempoh pelaksanaan SHMMP ditetapkan berdasarkan keperluan sesuatu sambutan perayaan. Sebagai contoh, tempoh pelaksanaan SHMMP semasa sambutan Hari Raya Puasa ialah 15 hari, sambutan Tahun Baharu Cina pula tempohnya adalah selama 12 hari, perayaan Deepavali bagi tempoh 10 hari dan Hari Krismas pula hanya lima hari. Bukan sahaja tempoh masa pelaksanaannya berbeza, jenis barang yang terlibat dalam skim ini juga adalah berbeza mengikut musim perayaan. Barangan yang disenaraikan adalah berdasarkan permintaan barangan sesuatu musim perayaan daripada khalayak pengguna.

Sepanjang tempoh pelaksanaannya, peniaga perlu melakukan beberapa kewajipan, iaitu yang pertama adalah meletakkan label berwarna merah jambu khusus bagi barangan terkawal sahaja. Label tersebut hendaklah menunjukkan harga bagi setiap unit, perihalan dan gred atau kualiti barang berkenaan. Yang kedua, peniaga tidak boleh menjual barang tersebut melebihi harga maksimum yang ditentukan; dan yang ketiga, peniaga juga perlu memastikan bekalan barang harga terkawal yang dijual adalah mencukupi.

Para peniaga akan didapati bersalah atau melanggar peraturan skim ini apabila mereka

menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum; gagal menggunakan label berwarna merah jambu bagi harga barang terkawal; dan tidak meletakkan tanda harga kepada barangan yang dipamerkan untuk jualan.

Menurut Afida Mastura Muhammad Arif dalam tulisannya yang bertajuk "Sejarah Pergerakan Pengguna", fahaman kepenggunaan di Malaysia telah bermula pada dekad 1960-an lagi. Hal ini disebabkan oleh isu ketidakstabilan harga barang terutamanya semasa menjelang musim perayaan. Pada hujung tahun 1964, situasi kenaikan harga semakin meruncing lantas menyebabkan rakyat Malaysia menyedari kepentingan mereka untuk dilindungi sebagai pengguna.

Masyarakat pada ketika itu telah mendesak kerajaan untuk mengambil tindakan yang dapat menstabilkan harga barang keperluan. Selepas itulah, munculnya persatuan pengguna negeri yang bermula dengan Persatuan Pengguna Selangor sebelum bergabung di bawah sebuah pertubuhan peringkat kebangsaan. Pertubuhan ini yang ditubuhkan pada tahun 1973 dikenali sebagai Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). Pergerakan kepenggunaan yang semakin kuat di Malaysia menyebabkan kerajaan terpaksa campur tangan dan memainkan peranan dalam hal ehwal kepenggunaan. Maka itu, KPDNHEP telah ditubuhkan pada tahun 1990. Sistem ekonomi terbuka yang diamalkan di Malaysia menyebabkan harga barangan dalam pasaran akan dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran. Sistem ekonomi ini dilihat lebih berdaya saing namun apakali keadaan ini menyebabkan kenaikan harga yang melampau dan tidak rasional dilakukan oleh peniaga. Menurut Farhaini Mohd Hanif dalam tulisannya yang bertajuk "Kenaikan Harga Barang di Malaysia: Peranan Pengguna, Kerajaan dan Koperasi", beliau menyatakan bahawa antara faktor kenaikan harga barangan dalam pasaran kebanyakannya disebabkan sikap tamak para peniaga untuk mengaut keuntungan. Pada musim perayaan khususnya, terdapat peniaga yang mengambil kesempatan dengan menyorokkan barangan keperluan asas sehingga menimbulkan suasana panik dalam

Para peniaga akan didapati bersalah atau melanggar peraturan skim ini apabila mereka menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum.

kalangan pengguna. Apabila pengguna berada dalam keadaan kritikal untuk mendapatkan barang yang diperlukan, peniaga kemudiannya akan menaikkan harga barangan tersebut untuk mengaut keuntungan. Keadaan yang mendesak menyebabkan pengguna terpaksa membeli barang yang diperlukan meskipun harganya mahal.

Sehubungan dengan itu, kenaikan harga barangan yang tidak terkawal akan menyebabkan ketidaktentuan ekonomi, sosial, dan politik yang seterusnya boleh mengancam keharmonian negara kita. Atas faktor itulah, pentingnya peranan kerajaan untuk campur tangan. Di Malaysia, kerajaan melaksanakan penetapan harga sepanjang masa bagi barangan seperti minyak masak, gula, tepung gandum dan gas LPG.

Di samping itu, terdapat harga barang yang dikawal pada musim perayaan tertentu melalui pelaksanaan SHMMP. Bukan itu sahaja, KPDNHEP juga melaksanakan pelbagai langkah dan menguatkuasakan beberapa akta seperti Akta Kawalan Harga dan Pencatutan, Akta Persaingan dan Gerakan Pematuhan Tanda Harga bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk meningkatkan harga barangan, selain untuk melindungi kebajikan pengguna.

Penganalisis ekonomi, Profesor Madya Dr. Barjoyai Bardai menyatakan bahawa penentuan harga siling atau harga bumbung hanya akan mewujudkan ketidakseimbangan dalam pasaran. Hal ini dikatakan demikian kerana situasi tersebut akan menyebabkan stok barangan dalam pasaran berkurangan memandangkan apa-apa yang diminta oleh pengguna adalah lebih rendah harganya berbanding dengan harga yang sanggup dikeluarkan oleh pengeluar.

Walau bagaimanapun, sebenarnya kawalan harga seperti yang digariskan oleh SHMMP amat diperlukan kerana acapkali peniaga mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang terkawal disebabkan permintaan yang sangat tinggi semasa musim perayaan. SHMMP dilihat antara mekanisme yang mampu memberikan perlindungan kepada pengguna agar tidak terus dianiaya oleh pihak peniaga.



Secara tuntasnya, kawalan harga barang semasa musim perayaan walaupun tidak 100 peratus mampu melindungi pengguna tetapi sekurang-kurangnya hal ini mampu mengekang golongan peniaga daripada terus mengambil kesempatan. Jika diikutkan, Malaysia mempunyai kerangka perundangan yang komprehensif dalam usaha untuk melindungi pengguna daripada ditindas oleh pihak peniaga.

Antaranya termasuklah dengan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga 1946, Akta Persaingan 2010 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Walau bagaimanapun, pemantauan oleh penguatkuasa dilihat masih lompong sehingga menyebabkan isu harga barangan terkawal sentiasa menjadi bualan pada musim perayaan saban tahun. Oleh itu, rakyat Malaysia perlulah menjadi mata dan telinga kepada penguat kuasa agar tindakan setiap peniaga yang mengambil kesempatan terhadap pengguna dapat dibendung.

Pemantauan harga barang oleh pihak berwajib dilakukan terutamanya pada musim perayaan.

Kawalan harga barang semasa musim perayaan mampu mengekang golongan peniaga daripada terus mengambil kesempatan.